



ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 10 TAHUN 2021

ARAHAN PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN SEPANJANG TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4

TUJUAN

1. Arahan Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan ketetapan terkini Kerajaan mengenai arahan pengoperasian perkhidmatan untuk dilaksanakan oleh warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan jabatan/agensi di bawah KPKT sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 bagi kawasan Lembah Klang iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang berkuatkuasa pada 18 Oktober 2021.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Oktober 2021, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan kelonggaran sama seperti negeri-negeri yang telah memasuki Fasa 4 sebelum ini, seperti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Sehubungan dengan itu, Arahan Pentadbiran bilangan 10 tahun 2021 ini dikeluarkan sebagai panduan kepada warga KPKT dan jabatan/agensi di bawah KPKT mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil dan dilaksanakan sepanjang tempoh PPN Fasa 4 ini.

KEHADIRAN KE PEJABAT

4. Merujuk Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2021, peratus kehadiran maksimum ke pejabat tidak termasuk *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan bagi PPN Fasa 4 adalah **100% bekerja di pejabat dan kebenaran bekerja dari rumah hanya dibenarkan bagi yang memerlukan sahaja** bagi memastikan produktiviti perkhidmatan Kerajaan terus ditingkatkan.
5. Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan **Pekeling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 – Dasar Bekerja Dari Rumah** yang jelas memperincikan aspek-aspek yang perlu dipatuhi termasuk tidak membenarkan urusan peribadi dilakukan semasa dalam tempoh waktu bekerja. Sebarang **pelanggaran salah laku** dalam

pematuhan BDR boleh dikenakan **tindakan tatatertib** di bawah **P.U.(A)395 - Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.**

6. Pegawai yang hadir bertugas hendaklah mematuhi waktu bekerja seperti biasa. (**Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 : Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Persekutuan).**

TATACARA PENGURUSAN DI PEJABAT

7. Semasa tempoh PPN Fasa 4, sistem pendaftaran kehadiran atas talian (Sistem Kehadiran Warga KPkt) hanya **diwajibkan kepada pegawai yang dibenarkan BDR sahaja** melalui pautan <https://kehadiran-pkp.kpkt.gov.my> atau platform lain seumpama dengannya. Pegawai akan dipantau dari semasa ke semasa melalui sistem ini dan tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya terdapat pegawai yang tidak mendaftarkan diri menggunakan sistem tersebut. Pegawai yang dibenarkan BDR perlu memastikan talian telefon rasmi di pejabat **diaktifkan fungsi Call Forwarding ke talian yang boleh dihubungi sepanjang tempoh pegawai BDR.** Pegawai yang hadir ke pejabat tidak perlu mendaftar kehadiran melalui sistem berkenaan.
8. Ketika berada di pejabat, warga KPkt **diwajibkan** supaya:
 - (a) Mengimbas kod QR MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon yang jelas sebelum memasuki

pejabat. Individu yang berstatus “*Low Risk*” termasuk “*Casual Contact Low Risk*” sahaja **dibenarkan masuk ke pejabat**;

- (b) Mengimbas suhu badan terlebih dahulu sebelum memasuki pejabat dan **tidak dibenarkan** masuk ke pejabat sekiranya suhu badan melebihi 37.5 celsius;
 - (c) Sentiasa memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang berada di pejabat;
 - (d) Melaksanakan penjarakan fizikal sesama rakan sekerja sekurang-kurangnya 1 meter radius dalam sesuatu masa;
 - (e) Kerap membasuh tangan menggunakan sabun atau *hand sanitizer* seperti yang disarankan oleh KKM; dan
 - (f) Mengelakkan bersalaman atau bersentuhan dengan rakan sekerja.
9. Warga KPKT perlu peka terhadap keadaan persekitaran dan perlu memaklumkan kepada Ketua Jabatan sekiranya tergolong dalam kategori kontak rapat atau bergejala agar langkah sewajarnya dapat diambil bagi mengelakkan berlakunya kluster jangkitan di bangunan KPKT.
10. Majlis rasmi kerajaan termasuklah perasmian dan bengkel, **dibenarkan** dengan syarat tetamu telah **menerima vaksinasi lengkap** dan **kapasiti penuh ruang premis**. Bagi individu yang belum divaksin, perlu menjalani *pre-event test* menggunakan kit ujian kendiri (saliva) sebelum hadir dengan disaksikan oleh penganjur atau pengesahan daripada pengamal perubatan.

11. Mesyuarat secara bersemuka **dibenarkan** hanya kepada individu yang telah **lengkap vaksin dengan kapasiti penuh ruang bilik mesyuarat** namun digalakkan bermesyuarat secara *online/hybrid*. Bagi individu yang belum lengkap divaksin hendaklah mengikuti mesyuarat secara sidang video. Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan bagi sebarang perjumpaan dan perbincangan.
12. Individu yang telah lengkap divaksin adalah individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:
 - (a) Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cormirnaty (PfizerBioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm)), **individu berkenaan mestilah telah melepas hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua**; atau
 - (b) Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), **individu berkenaan mestilah telah melepas hari ke-28 dari tarikh suntikan**.
13. Elakkan tempat yang sesak, menjaga penjarakan fizikal, sentiasa memakai pelitup muka di tempat awam dan bersihkan tangan pada setiap masa di samping mengamalkan kebersihan kendiri yang baik.

KEMUDAHAN AWAM DI KEMENTERIAN

14. Sepanjang tempoh PPN Fasa 4, kafeteria dan kiosk runcit akan dibuka seperti biasa. Pembelian makanan dan minuman secara **bungkus (*take away*)** manakala **dine-in** dibenarkan bagi **pelanggan yang lengkap vaksin** sahaja dibenarkan di kafeteria KPKT dan digalakkan membawa bekas makanan dan minuman sendiri semasa membeli makanan bagi mengurangkan penggunaan plastik. Pembelian makanan dan minuman secara pesan dan hantar adalah **dibenarkan**.
15. Penggunaan Surau KPKT adalah dibenarkan dan tertakluk kepada penjarakan fizikal seperti yang diarahkan oleh pihak MKN dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).
16. Penggunaan lif pada satu-satu masa adalah seramai **maksimum lima (5) orang** sahaja.
17. Beratur dengan tertib dan menjaga jarak ketika berada di kafeteria/ruang niaga, menunggu lif atau di tempat-tempat awam.
18. Pengoperasian **perkhidmatan kaunter** dibuka pada kadar **100% kapasiti** dan **dibenarkan** kehadiran pelanggan **tanpa temujanji**.
19. Gunakan *hand sanitizer* yang disediakan di lokasi sekitar pejabat sebelum menyentuh peralatan/permukaan di bangunan seperti tombol pintu, butang lif, kepala paip dan sebagainya.

20. Penggunaan gimnasium **dibenarkan** sepanjang tempoh PPN Fasa 4 tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara **individu atau berkumpulan** di kawasan tertutup (*indoor*) adalah terhad bagi **individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja**.
- (b) Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi tertutup (*indoor*) dengan pematuhan kepada **100% kapasiti penggunaan/kawasan dengan kawalan penyeliaan**.
- (c) Penggunaan gimnasium KPKT hanya dibenarkan kepada warga KPKT sahaja **tanpa kehadiran orang luar**.
- (d) Waktu pengoperasian yang dibenarkan untuk menggunakan gimnasium KPKT:

| HARI | MASA | WARGA |
|--------------------------|------------------------------|-------------------|
| Isnin, Selasa dan Khamis | 1.00 Tengahari – 2.00 Petang | Lelaki dan Wanita |
| | 4.30 Petang – 8.00 Malam | Lelaki dan Wanita |
| Rabu | 1.00 Tengahari – 2.00 Petang | Wanita Sahaja |
| | 4.30 Petang – 8.00 Malam | Lelaki dan Wanita |
| Jumaat | 1.00 Tengahari – 2.00 Petang | Wanita Sahaja |
| | 4.30 Petang – 8.00 Malam | Lelaki dan Wanita |

21. Warga KPKT **diwajibkan** untuk mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera sebelum menggunakan setiap kemudahan bersama ini.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

22. Arahan Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **18 Oktober 2021** dan perlu juga dibaca bersama dengan arahan atau peraturan lain berkaitan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam serta pihak berkuasa dari semasa ke semasa.
23. Arahan Pentadbiran ini secara keseluruhannya dipanjangkan kepada semua jabatan/agensi di bawah KPKT, namun tertakluk kepada penerimaan dan kesesuaian masing-masing.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB)

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

18 Oktober 2021